

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG
TARIKH : 6 MAC 2018
SOALAN : NO. 28

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) mengapakah Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (KUTAR) tidak lagi dikategorikan sebagai Program 8 dan peruntukannya juga tidak lagi termaktub di dalam perbelanjaan Kementerian Pendidikan Tinggi tahun 2018 seperti apa yang telah dilaksanakan sejak dahulu; dan
- (b) mengapakah peruntukan kepada KUTAR semakin berkurangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (KUTAR) ditubuhkan sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi swasta bertaraf kolej universiti di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555).

Mulai tahun 2018, Kerajaan telah melaksanakan penyediaan anggaran perbelanjaan tahunan berasaskan impak dan keberkesanan sesuatu program berbanding pendekatan terdahulu yang mengutamakan perbelanjaan dan *output*. Justeru, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melaksanakan penyusunan semula struktur program dan aktiviti yang melibatkan empat program utama iaitu Operasi Pendidikan Tinggi,

Hospital Pengajar, Pendidikan Teknikal & Vokasional dan Pengurusan Sektor Pendidikan Tinggi.

Walaupun tidak dikategorikan sebagai Program 8, KUTAR masih menerima peruntukan mengurus secara tahunan di bawah perbelanjaan KPT. Bagi tahun 2018, KUTAR telah diperuntukkan sejumlah RM30 juta iaitu jumlah yang sama berbanding tahun 2017. Impak dan keberkesanan program bagi KUTAR dinilai di bawah impak keseluruhan institusi pendidikan tinggi swasta.

Secara keseluruhannya, penyediaan peruntukan tahunan kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di bawah KPT adalah tertakluk kepada keupayaan kewangan Kerajaan serta selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) yang telah menggariskan usaha memperkukuh kewangan IPT. Pengurangan peruntukan ke atas KUTAR adalah seiring dan selaras dengan strategi KPT dalam mengurangkan pergantungan universiti kepada sumber kerajaan.